

15 Januari 2018



AMANAT TAHUN BAHARU 2018

**YBHG. DATO' DR. MAZLAN BIN YUSOFF
KETUA PENGARAH MAMPU**

**PERHIMPUNAN BULANAN MAMPU
JANUARI 2018**

16 DISEMBER 2017 (SELASA)

**AUDITORIUM BLOK B1,
KOMPLEKS JPM**

15 Januari 2018

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, Salam Sehati Sejiwa, Salam Negaraku.

Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Dr. Suhazimah binti Dzazali,
Timbalan Ketua Pengarah (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
MAMPU,

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Shahabuddin bin Omar,
Timbalan Ketua Pengarah (Transformasi dan Pemodenan Pengurusan)
MAMPU,

Ketua-ketua Perunding ICT Sektor Awam,

Pengarah-pengarah Bahagian,

Perunding-perunding ICT Sektor Awam,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapat kita bersama-sama menghadiri sesi Perhimpunan Bulanan MAMPU bagi

bulan Januari 2018 di pagi yang berbahagia ini. Semoga kita semua akan terus diberikan kesempatan untuk terus menyumbangkan tenaga dan buah fikiran dalam meningkatkan tahap kecekapan penyampaian perkhidmatan awam demi kesejahteraan Rakyat dan Negara.

2. Sesungguhnya perhimpunan kali ini adalah amat bermakna bagi saya kerana kira-kira seminggu lagi, genaplah setahun saya dilantik sebagai Ketua Pengarah MAMPU menggantikan YBhg. Tan Sri Zainal Rahim Seman berkuatkuasa pada 23 Januari 2017. Semasa menerima surat watakah pelantikan daripada YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara, perasaan saya bercampur baur memandangkan ekspektasi yang perlu dipenuhi sebagai pengganti seorang pemimpin yang hebat – *definitely a big pair of shoes to fill!* Tetapi pada masa yang sama amat teruja kerana diberi mandat dan kepercayaan untuk kembali menabur bakti di MAMPU yang sudah begitu akrab di hati saya.

3. InsyaAllah saya akan menyambut tarikh keramat ini di tanah suci kerana akan berlepas mengerjakan umrah bersama ahli keluarga pada 20 Januari ini. Saya mohon YBrs. Dr./ Tuan / Puan supaya mendoakan supaya segala urusan ibadah kami dipermudahkan dan semoga kami selamat pergi dan pulang.

SEKALUNG PENGHARGAAN

4. Terlebih dahulu, terima kasih dan **tahniah kepada** YBrs. Encik Burhan bin Mat Sum dan seluruh tenaga kerja Bahagian Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat (**BPKK**) selaku penganjur Perhimpunan Bulanan kali ini yang telah berjaya menampilkan satu kelainan dengan **mengetengahkan konsep *intellectual discourse***

dalam mengupas satu persoalan penting yang perlu dijawab oleh kita semua sebagai warga MAMPU iaitu *Leading Digital Transformation: Are We Ready?*

5. Syabas saya ucapkan kepada barisan ahli-ahli panel jemputan YBrS. Dr. Suhazimah Dzazali, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) dan YBrS. Tn. Hj Shahabuddin Omar, Timbalan Ketua Pengarah (TPP) yang telah berjaya mengupas dan memperincikan perkara-perkara berkaitan peranan sektor masing-masing dalam melaksanakan mandat utama yang telah diamanahkan oleh *stakeholders* utama kita pada tahun lalu demi meneruskan kesinambungan transformasi perkhidmatan awam melalui pelaksanaan **Pemusatan Pengurusan dan Pengoperasian ICT Sektor Awam** serta **Inisiatif Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan (4P1K)**.

6. Atas kebijaksanaan YBrS. Encik Burhan Mat Sum selaku moderator dan penglibatan aktif tuan-tuan dan puan-puan, kita telah berjaya menyerlahkan satu sesi perbincangan ilmiah yang amat *vibrant* dari hati ke hati dalam mendepani tanggungjawab dan cabaran yang perlu kita lunaskan bersama selaku agensi peneraju transformasi digital negara. Secara peribadi, saya dapat memerhatikan perubahan positif daripada rakan-rakan warga MAMPU sepanjang tempoh setahun di sini dengan menunjukkan kesediaan untuk berkongsi buah fikiran secara terbuka dalam suasana penuh kekeluargaan demi menjayakan matlamat jabatan yang kita cintai ini.

7. Menurut firma Bain & Co. (15 Disember 2017), berdasarkan kaji selidik yang dijalankan ke atas syarikat-syarikat terkemuka yang melaksanakan transformasi korporat, terdapat beberapa pendekatan

mudah yang dikatakan mampu mempercepat aspek pembudayaan transformasi di segenap peringkat organisasi, salah satu daripadanya ialah bertukar daripada pendekatan komunikasi sehalu melalui ucapan-ucapan CEO atau Pengarah Urusan syarikat, penyebaran maklumat melalui video-video kesedaran kepada pendekatan berorientasikan komunikasi dua hala melalui sesi libat urus, refleksi, persoalan dan perbincangan sama ada secara langsung atau melalui *chat boxes* secara maya.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

MENELUSURI JEJAK KEGEMILANGAN MAMPU 2017

8. Jika diimbau semula, tahun 2017 telah dijadikan sebagai “**Year of Delivery**” atau Tahun Penyampaian. Berdasarkan ucapan YAB Perdana Menteri, aspek penyampaian ini perlu diberikan penekanan yang serius dalam konteks memastikan penyampaian perkhidmatan awam Malaysia sejajar dengan aspirasi pemimpin demi memenuhi kehendak dan keperluan rakyat. Aspek penyampaian perkhidmatan inilah yang akan dapat memastikan bahawa negara Malaysia dan rakyatnya akan dapat mencapai *Par-Excellence* Duniawi dan *Par-Excellence* Ukhrawi seperti yang dicita-citakan.

9. Di sebalik ketidakpastian global yang berterusan, tahun 2017 menyaksikan Ekonomi kita berjaya mencatatkan **pertumbuhan** membanggakan **sebanyak 6.2 peratus untuk suku ketiga tahun 2017** berbanding hanya 4.3 peratus pada suku ketiga tahun sebelumnya. Statistik ini disokong oleh semakan semula yang dilaksanakan institusi global yang dihormati seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan

Antarabangsa (IMF) yang mengiktiraf pertumbuhan ekonomi Malaysia yang memberangsangkan selain daya tahan dan daya saing ekonomi telah diperkukuhkan.

10. Dalam memeta haluan menuju TN50, YAB Perdana Menteri telah menekankan agar semua penjawat awam perlu **melaksanakan budaya kerja di luar kelaziman**. Ini membawa maksud bekerja melepasi dan melangkaui tahap keupayaan lazim atau kebiasaan, di luar lingkungan kotak pemikiran biasa, demi keberhasilan yang luar biasa. Dunia yang kita diami kini pantas berubah, dan kita tiada pilihan selain respon terhadap perubahan tersebut atau kita akan ketinggalan. Dalam merealisasikan perkhidmatan awam bertaraf negara maju ini, setiap penjawat awam perlu melatih diri menjadi **multi-tasking, multi-skills dan multi-talented**, berbudaya kreatif lagi berinovatif. Penjawat awam era baharu ini seterusnya mampu menyumbang kepada budaya **kerja 'high productivity', 'high value', 'high thinking' 'high skills' dan 'highly motivated'** dalam melaksanakan tugas bagi menempa kejayaan dan kecemerlangan untuk organisasi dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati.

PENCAPAIAN MAMPU TAHUN 2017

11. Di peringkat jabatan pula, berbekalkan semangat jitu dan budaya kerja yang cemerlang, kita telah **berjaya mengisi tahun 2017 dengan pelbagai pencapaian melalui penganjuran program-program bitara dan agenda utama MAMPU**, sehingga mendapat pujian dan pengiktirafan daripada *stakeholders* utama kita, antaranya termasuklah:

- i) Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) YAB Perdana Menteri Bersama-sama Penjawat Awam, 31 Mei 2017;
- ii) Hari Data Terbuka 2017, 25 Mei 2017;
- iii) Talk on '*Georgia and E-Governance: The Journey in the Digital Age*', oleh Mr. Irakli Gvenetadze, 21 Julai 2017;
- iv) Program Malaysia Inklusif Negara Digital (MINDA) bersempena Pelancaran Hari Malaysia 2017, 16 September 2017;
- v) 48 Jam Hackathon dan Data Terbuka 2017, 11 – 12 September 2017;
- vi) Public Sector CIO Convex 2017, 5 – 6 Oktober 2017;
- vii) Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2017, 7 November 2017; dan
- viii) Lawatan Penandaarasan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan di Singapura dan United Kingdom.

12. Dalam masa yang sama, kita terus menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan teras yang merangkumi pembangunan pengurusan organisasi dan pelaksanaan Kerajaan Digital kepada seluruh agensi sektor awam bagi menyokong transformasi penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

13. Di sebalik perancangan jangka panjang dalam merealisasikan Perkhidmatan Awam beracuan TN50, **inisiatif-inisiatif di bawah kesemua 13 bidang tumpuan utama 2018 yang telah dikenalpasti perlulah diperincikan** pelaksanaannya dengan mengambilkira projek-projek dan program mengikut keutamaan sama ada bersifat *quick wins*, jangka sederhana atau jangka panjang. Seperti yang selalu disuarakan oleh YBrs. Dr. Suhazimah, proses transformasi digital melibatkan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI), *gamification*, *data*

analytics dan *augmented reality* insyaAllah akan dapat dirasakan dalam tempoh 2 hingga 3 tahun lagi melalui inisiatif pembangunan *digital/virtual workplace* dan pembangunan Repositori Memori Institusi Sektor Awam (RMISA).

14. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini perlu **dilengkapi dengan perekaayaan proses kerja, pendekatan perancangan senario dan pengurusan perubahan** yang memahami perspektif keseluruhan struktur, dan **proses kerja** sesuatu jabatan. Seperti yang sering dinyatakan, aspek pembangunan sistem dan ICT **hanyalah 20 hingga 30 peratus** daripada komponen keseluruhan bagi memastikan kejayaan sesebuah transformasi digital. Di sebalik kemunculan trend-trend mega yang berubah-ubah yang turut melihat **kepada aspek perbezaan generasi** (Gen-X, Y dan Z) dalam mencorakkan pola pemikiran dan kelakuan manusia, golongan pakar berpandangan bahawa perubahan drastik ke arah transformasi digital kini perlu dilihat dalam konteks evolusi berterusan yang meletakkan minda manusia atau ***human intellectual ingenuity*** sebagai pencetus inovasi yang merupakan tunjang kepada sebarang bentuk perubahan dalam pembangunan sejagat termasuklah dalam konteks era digital masa kini:

“Therein lies another lesson: the digital age may seem revolutionary, but it was based on expanding the ideas handed down from the previous generations. The best innovators were those who understood the trajectory of technological change and took the baton from innovators who preceded them. Steve Jobs built on the work of Alan Kay, who built on Doug Engelbart, who built on J.C.R. Licklider and Vannevar Bush” (Isaacson 2014)

MENYINGKAP LEMBARAN 2018: TAHUN KEJAYAAN DAN KEBERHASILAN MENGAGUMKAN

15. Tahun 2018 menjanjikan satu lembaran baru yang pastinya menuntut sinergi, kepakaran dan dedikasi warga MAMPU untuk diterjemahkan dalam bentuk hasil kerja yang mantap dan bermanfaat kepada rakyat. Selain dua agenda besar yang telah saya sebutkan pada awal ucapan sebentar tadi, **MAMPU juga akan terus menerajui inisiatif Data Raya Sektor Awam, Data Terbuka Sektor Awam, *Digital Workplace*, *Scenario Planning*** dan pelbagai inisiatif segar yang sedang dirancang untuk diterap ke dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam khususnya di bawah **13 bidang tumpuan utama 2018** yang telah ditetapkan semasa Seminar Perancangan Halatuju Baharu MAMPU 2018 pada bulan lepas. Warga MAMPU perlu lebih berdaya maju, menunjukkan potensi sebenar organisasi yang dicintai ini agar MAMPU berkeupayaan merintis inisiatif terkini pemodenan pengurusan dan teknologi digital dalam perkhidmatan awam.

16. Tahun ini juga merupakan tahun yang amat penting untuk kita semua untuk menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia melalui **Pilihanraya Umum ke-14**. Harus kita akui, pelbagai penambahbaikan dan kemudahan telah diumumkan oleh Kerajaan hari ini khususnya buat kita, penjawat awam melalui pembentangan Bajet 2018 yang lalu. Susulan pengumuman itu, sebanyak **7 Pekeliling Perkhidmatan dan 1 Surat Pekeliling Perkhidmatan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)** merangkumi pelbagai kemudahan termasuklah mengenai Cuti Umrah, pengenalan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) ke-4, penambahan kelayakan cuti bersalin bergaji penuh, Bayaran Khas Tahun 2017, Bayaran Khas Aidilfitri Tahun

2018, penambahbaikan laluan kenaikan pangkat Pegawai Kumpulan Pelaksana secara *time-based*, kebenaran kepada pegawai wanita mengandung untuk pulang awal satu jam dan kebenaran untuk menggunakan Gantian Cuti Rehat (GCR) yang melebihi 150 hari sebagai cuti rehat pada tahun persaraan. Ini adalah antara manfaat yang diperkenalkan baru-baru ini yang **menjadi bukti Kerajaan sedia ada ini mendengar dan merasai denyut nadi** kita sama ada selaku penjawat awam mahu pun rakyat.

17. Saya percaya sebagai penjawat awam, telah sehati di dada kita semangat untuk sentiasa mencurahkan bakti kepada negara melebihi kepentingan peribadi. Dalam tempoh yang amat signifikan ini, ingin saya mengajak kita semua supaya mendalami petikan ucapan John F. Kennedy, 20 Januari 1961 seperti berikut:

“...ask not what your country can do for you, ask what you can do for your country”

Oleh itu, saya menyeru semua warga MAMPU yang ada di sini untuk menggunakan sepenuh kebijaksanaan sebagai pengundi untuk memastikan kesinambungan pembangunan negara dengan memilih Kerajaan yang benar-benar berkeupayaan memelihara dan mempertahankan kesejahteraan negara dan rakyat. Seterusnya, saya juga menyarankan supaya kita bersama-sama **menghayati tiga tunjang utama Dasar Wasatiyyah Negara dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam** iaitu berpegang kepada *fiqh wala'* dan taat, *wasatiyyah* dan *tabayyun*. *Wala'* bermaksud patuh dan taat setia kepada pemimpin yang sah dan institusi kepimpinan yang dijunjung, *wasatiyyah* adalah

kesederhanaan, manakala *tabayyun* adalah menyelidiki dahulu sesuatu dengan teliti, sebelum membuat keputusan untuk menyebarkannya.

YBrs. Dr, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

CABARAN SEBAGAI KETUA PERKHIDMATAN

18. Seperti yang kita semua telah sedia maklum, dalam memperkasa peranan MAMPU selaku peneraju perancangan dan hala tuju strategik ICT Sektor Awam, mulai 17 Julai 2017, **Ketua Pengarah MAMPU ialah Ketua Perkhidmatan ICT Sektor Awam dengan jumlah perjawatan sebanyak 11,054** atau mewakili 0.67 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja dalam Sektor Awam di Malaysia. Walaupun jumlah ini adalah amat kecil jika dibandingkan dengan keseluruhan saiz perkhidmatan awam, saya pasti tanggungjawab yang diamanahkan kepada MAMPU sebagai ketua perkhidmatan ini mendatangkan pelbagai cabaran yang perlu ditangani melalui perancangan yang teliti, bukan sahaja melalui penambahbaikan dasar, struktur tadbir urus dan proses kerja tetapi juga perlu mengambil kira aspek kebajikan dan masa depan penjawat awam yang akan terkesan dengan perubahan yang akan dilaksanakan.

19. Kejayaan MAMPU memmanifestasikan pelaksanaan pemusatan ICT ini akan mendorong ruang kepercayaan yang lebih besar kepada MAMPU selaku Pakar Perunding Teknikal ICT yang berkesan kepada Kerajaan. Sebagai rangkaian ke hadapan, kita perlu mewujudkan satu kerangka kompetensi bersifat komprehensif yang menggabung jalinkan sinergi kepakaran elemen pengurusan dan ICT, dengan mengambil kira dua skim utama yang ada di MAMPU iaitu Skim Pegawai Teknologi Maklumat dan

Skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Ini penting bagi melahirkan kumpulan pegawai-pegawai MAMPU yang *eminent* dalam bidang teras pengurusan dan ICT, proaktif, inovatif, analitis, kritis, mempunyai keupayaan kognitif yang mantap, memiliki aura karisma dari segi personaliti diri serta mempamerkan kewibawaan dari segi pengetahuan dan pengalaman untuk bertindak sebagai pakar rujuk kepada agensi-agensi sektor awam.

20. Sejalan dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Oktober 2017 yang lalu, **MAMPU akan mengemukakan Cadangan Tadbir Urus Digital Kerajaan yang merangkumi fungsi dan struktur baharu, keperluan sumber manusia dan kompetensi, dasar dan perundangan** untuk menyokong pelaksanaan Pelan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan. Penetapan struktur baru tadbir urus ini nanti bukan sahaja akan menentukan penjenamaan baharu MAMPU tetapi bakal menyaksikan penubuhan entiti baharu di pelbagai peringkat berasaskan tiga cadangan Jemaah Menteri sama ada melalui penggabungan fungsi-fungsi agensi yang terlibat dalam agenda pendigitalan di bawah satu kementerian; penubuhan sebuah entiti hibrid atau penubuhan sebuah badan berkanun. Kesemua cadangan ini sedang diteliti secara mendalam melalui kajian yang melibatkan pelbagai pihak termasuk melalui sesi libat urus dengan semua kementerian dan agensi berkepentingan.

21. Saya amat prihatin dengan keluh kesah yang disuarakan di pelbagai peringkat pengurusan berhubung maka itulah, kita amat berbesar hati dan berterima kasih kepada YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, **Ketua Setiausaha Negara yang sudi meluangkan masa untuk bertemu dengan barisan pegawai MAMPU** dan perwakilan persatuan-persatuan Pegawai Sistem

Maklumat termasuk dari Persatuan Juruanalisa Sistem Sektor Awam (**PERJASA**) dan ahli gabungan **CUEPACS** yang lain pada **19 Januari ini** (Jumaat) untuk membincangkan secara telus berhubung masa depan Skim F yang paling terkesan dengan proses perubahan yang bakal berlaku. Seperti yang telah dibincangkan oleh barisan pengurusan kanan MAMPU semasa Seminar Perancangan Halatuju Baharu MAMPU 2018, aspek pengurusan perubahan terpenting berhubung inisiatif pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan adalah dalam konteks warga MAMPU itu sendiri. Justeru itu sekali lagi ingin saya tekankan di sini bahawa apa jua bentuk perubahan yang bakal dilaksanakan akan dilakukan untuk mendapatkan natijah yang terbaik kepada semua pihak khususnya dalam konteks penambahbaikan skim perkhidmatan dan program peningkatan kompetensi demi meningkatkan profesionalisme sejajar dengan keperluan semasa dan akan datang.

KESIAPSIAGAAN WARGA MAMPU MENDEPANI CABARAN MENERAJUI TRANSFORMASI DIGITAL

22. Saya optimis bahawa **Model Retrofit MAMPU** dan **Gagasan 5V (*Visionary, Visible, Viable, Valuable dan Vibrant*)** yang diperkenalkan sebagai kerangka strategik kita sebelum ini bukan sahaja berupaya menjadi perisai utama MAMPU untuk mengadaptasi kepada perubahan-perubahan landskap global seperti trend-trend mega yang saya nyatakan sebelum ini, tetapi juga mampu diaplikasikan dalam melaksanakan misi dan visi yang diamanahkan kepada kita dari semasa ke semasa. Memetik kata-kata Abraham Maslow (1966): *“If the only tool you have is the hammer, you tend to treat everything as if it were a nail”*.

23. Di peringkat antarabangsa¹, **konsep *public entrepreneurship*** yang pernah diperkenalkan seawal tahun 1960-an kini kembali mendapat tempat di kalangan sektor awam di kebanyakan negara maju dan membangun sebagai satu pendekatan yang **berupaya mengubah struktur dan budaya kerja sektor awam** daripada model tradisional yang berasaskan hierarki kepada organisasi yang lebih *agile*, berasaskan semangat keusahawanan dan inovasi. Dalam menata agenda penjenamaan semula MAMPU sebagai Neo-MAMPU, aspek ini boleh diterjemahkan kepada pelbagai usaha untuk menggalakkan inovasi melalui semangat penyelesaian masalah dan kecenderungan untuk melaksanakan libat urus dengan rakyat daripada pelbagai spektrum termasuklah organisasi antarabangsa, institusi penyelidikan dan akademik, pemain industri dan masyarakat sivil. Konsep ini dapat diterapkan melalui pendekatan-pendekatan berikut:

- i. **Kolaborasi strategik** – dalam konteks ini, agensi kerajaan berperanan membina pakatan (*coalition*) atau rangkaian untuk menggerakkan perubahan **menghubungkan fungsi Kerajaan, perniagaan dan masyarakat sivil** dengan kebijaksanaan memutuskan bila untuk melepaskan peranan sebagai peneraju dan membiarkan pihak lain untuk mengetuai sesuatu inisiatif seumpama program *Yellow Ribbon Project* di Singapura dan Program Pemulihan Pemasarakatan (PPP) yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara di bawah inisiatif NBPS 2 untuk tujuan pemulihan pesalah dalam komuniti;

¹ Dipetik daripada artikel: *Enter the Public Entrepreneur: Implementing Innovation in the Public Sector*, Centre for Public Impact, 16 Disember 2016

- ii. **Berekosistem** – *Public entrepreneurs melihat diri* mereka sebagai **entiti organik daripada satu ekosistem** dan bukan hanya terikat sebagai anggota sesebuah organisasi atau jabatan semata-mata. Pendekatan ini digunapakai dalam pembangunan sistem pengurusan kesihatan berkualiti seperti Model Buurtzorg yang dilaksanakan di Belanda dan *accountable care platform* di Amerika Syarikat. Dalam hal ini, penjawat awam berperanan meyakinkan, mempengaruhi dan menjual idea mengenai kaedah melakukan sesuatu secara berbeza kepada rakan sejawat di jabatan-jabatan lain, ahli politik dan rakyat. Saya percaya *mindset* seperti ini perlu ditanamkan di minda warga MAMPU dalam melaksana Pelan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan (4P1K) di segenap lapisan pelaksanaan daripada aspek penggubalan dasar baharu sehinggalah kepada pelaksanaan pelan promosi dan publisiti (Teras 3) di kalangan masyarakat luar bandar atau warga emas;

- iii. **Menjana Sumber Alternatif** – ini termasuklah mencari **kaedah baharu untuk membiayai projek awam** dan inisiatif pembangunan melalui catuan bajet antara agensi, kerjasama awam-swasta (PPP), penggunaan teknologi digital dan percubaan menggunakan model baharu pembiayaan sosial dan berimpak. Aspek ini banyak dilaksanakan dalam konteks pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan memanfaatkan sumber kewangan daripada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC), sektor swasta dan pihak-pihak berkepentingan lain;

- iv. **Berorientasikan Keberhasilan (Outcome)** – pendekatan ini yang telah sedia ada dilaksanakan di Malaysia memberi penekanan kepada **apa yang diperlukan untuk mencapai keberhasilan** walaupun ia kadangkala menjurus kepada perubahan drastik terhadap pelan kerjaya tradisional dan ekspektasi berhubung prestasi perkhidmatan. Secara mudah ia bermaksud memberi **tidak terlalu terikat kepada hierarki** dalam organisasi dan memberi ruang dan peluang kepada anggota kerajaan yang mampu mendatangkan keberhasilan sebenar di peringkat lapangan; dan
- v. **Berteraskan Pembelajaran dan Adaptasi** – dengan beroperasi seperti sebuah entiti perniagaan, organisasi sektor awam perlu **berani mengambil risiko** dan berhadapan dengan kegagalan, sesuatu yang dianggap sebagai sebagian daripada DNA usahawan berpandukan slogan: *“Fail quickly, fail fast and fail cheaply”*. Dalam keadaan ini, survival sesebuah organisasi awam bergantung kepada keupayaannya untuk mempelajari kemahiran baru dan beradaptasi dengan pantas dalam menghadapi perubahan persekitaran. Charles Darwin (1809) pernah berkata: *“It is not the strongest of the species that survives, nor the most intelligent, but the one most responsive to change”*.

24. Dalam memahami menghayati konsep public entrepreneurs ini, hadirin sekalian barangkali boleh menonton filem Jumanji: Welcome into The Jungle (2017) lakonan Dwayne “The Rock” Johnson baru-baru ini yang berkisar pada kisah fantasi empat orang remaja yang berbeza

kecenderungan dan penampilan tetapi terperangkap dalam dunia fantasi apabila mereka cuba bermain satu permainan video konsol bernama *Jumanji* yang ditemui semasa dalam bilik tahanan pelajar bermasalah. Apa yang menarinya, sebaik sahaja mereka memilih watak-watak dalam permainan video tersebut, penampilan, kemahiran dan perwatakan mereka berubah secara drastik. **Spencer Gilpin**, seorang nerd kini berubah menjadi **Smolder Bravestone**, seorang **arkeologis yang bertubuh sasa** manakala **Bethany Walker** yang berpenampilan cantik dan menjadi tumpuan pelajar lelaki di sekolahnya pula bertukar menjadi **Shelly Oberon**, seorang **Cartographer lelaki yang gemuk dan berbulu!** Apa yang penting, kesemua mereka perlu bekerjasama dan saling melengkapi dengan menggunakan kemahiran dan kelebihan yang ada dalam watak masing-masing sekiranya mahu menyelamatkan diri daripada terperangkap dalam dunia *Jumanji*.

25. Di sini, saya ingin berkongsi satu **video motivasi bertajuk “Dream”** untuk meyakinkan kita untuk sama-sama meneroka masa hadapan yang penuh dengan seribu kemungkinan dan ketidakpastian demi merealisasikan impian kita bersama:

<https://www.youtube.com/watch?v=g-jwWYX7Jlo>

#MAMPUdihatiku

26. Dalam kerancangan kita melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan, kita seharusnya tidak mengetepikan elemen-elemen yang mampu menzahirkan rasa **kebersamaan, kesatuan dan kekitaan**. Sinergi yang terbentuk daripada elemen-elemen ini berupaya mewujudkan suasana harmoni dalam sesebuah organisasi. Keharmonian yang terbentuk ini mampu meningkatkan produktiviti dan seterusnya melonjakkan pencapaian organisasi. Dalam konteks ini, penglibatan warga MAMPU dalam aktiviti-aktiviti Kelab Kebajikan dan Sukan menyokong **Bidang Fokus Kelima Gagasan 5V iaitu *Vibrant: Menyemarak Keharmonian Organisasi***.

27. **Kelab Kebajikan dan Sukan MAMPU** perlu memainkan peranan memperkasakan ahli-ahlinya melalui **penganjuran aktiviti-aktiviti yang memberikan manfaat** kepada semua warga MAMPU. Kelab Kebajikan dan Sukan MAMPU juga menyediakan salah satu platform terbaik dalam mewujudkan suasana harmoni di MAMPU. Dalam hal ini, saya amat berbangga dengan pencapaian Kelab Kebajikan dan Sukan MAMPU yang sentiasa gigih berusaha dan komited dalam memperkasakan ahli-ahlinya dan mewujudkan suasana harmoni ini. Kejayaan ini membuktikan komitmen padu warga Kelab Kebajikan dan Sukan MAMPU dalam menyokong aktiviti-aktiviti tersebut walaupun terpaksa bergelumang dengan kesibukan dalam melaksanakan tugas-tugas rasmi. Saya sentiasa berpegang kepada prinsip walau sesibuk manapun tanggungjawab yang diberikan, keseimbangan terhadap kerja dan kehidupan perlu sentiasa dijaga dan dipelihara.

28. Saya juga ingin menyaksikan pengisian secara tersusun yang diatur untuk tujuan **pemupukan bakat warga MAMPU**, sumber terpenting yang akan memastikan segala perancangan program dan projek dapat dilaksanakan dengan jayanya. Warga MAMPU yang sihat dan berketerampilan akan menjadi duta-duta MAMPU yang berkeupayaan menyalakan dan menggenggam obor transformasi melalui pengukuhan *soft-skills* dan kemahiran-kemahiran penting seperti kemahiran berkomunikasi, membuat persembahan, bersukan, imej korporat serta pengurusan majlis yang akan mengukuhkan "*the inner-circle*" yang menjadi tunjang kepada kejayaan MAMPU.

29. Saya rasa belum terlewat untuk saya mengucapkan **tahniah** kepada barisan peneraju **Kelab Sukan dan Kebajikan MAMPU** yang baharu di bawah pimpinan YBrs. Dr. Mohd Zabri Yusoff, semoga dapat membawa aktiviti Kelab MAMPU kepada satu tahap penandaarasan yang baru. Kepada warga MAMPU, saya berharap supaya dapat memberi sepenuh sokongan dan dokongan kepada barisan kepimpinan yang dilantik. Ini rumah kita, keluarga kita, bersama kita pelihara keharmoniangannya! Sesungguhnya **#MAMPU** sentiasa **dihatiku**.

PENUTUP

30. Saya ingin mengakhiri amanat saya dengan petikan ucapan **Tariq bin Ziyad pada tahun 711** Masehi tatkala berhadapan dengan tentera Visigoth Sepanyol yang dipimpin oleh Raja Roderick. Untuk menaikkan semangat askarnya, Panglima Tariq bin Ziyad dikatakan telah bertindak **membakar kesemua kapal perang** mereka untuk menghalang sebarang cubaan melarikan diri daripada medan perang. Beliau kemudian berpaling menghadap tentera para muslimin sambil berkata:

“Lautan ada di belakang kalian, sedangkan musuh ada di hadapan kalian dan tidak ada yang tertinggal pada diri kalian kecuali kebenaran dan kesabaran”.

31. Catatan sejarah membuktikan bahawa peristiwa itulah yang akhirnya membuka benua Eropah melalui semenanjung Iberia kepada kemajuan peradaban yang dipacu oleh ketamadunan Islam sehingga berjaya menamatkan zaman gelap di Eropah, seterusnya mencetuskan revolusi sains dan teknologi semasa era *Reinassance*.

32. Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian, situasi MAMPU pada hari ini menuntut kita supaya bersiap siaga, dengan menggembelng semangat berpasukan yang kukuh berbekalkan kecekalan hati dan dedikasi demi mendepani pelbagai cabaran dan perubahan yang bakal menerpa dalam menerajui agenda pendigitalan negara. Tiada ruang untuk kita berundur dan berpatah ke belakang selain terus berjuang dan mara ke hadapan untuk mencapai destinasi kegemilangan yang kita cita-citakan. Jadi saya tanyakan pada tuan-tuan dan puan, adakah kita bersedia? *Are we ready?*

33. **Yes we are!**

Saya sudahi amanat ini dengan ucapan wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.